

06/08/1998

Panggung Negara atur persembahan

Hardi Effendi Yaacob

PANGGUNG Negara diberi tanggungjawab mengendalikan urusan berkaitan aturcara majlis pembukaan dan penutup Sukan Komanwel Ke-16 KL '98 di Stadium Nasional, Kompleks Sukan Bukit Jalil pada 11 hingga 21 September ini.

Jawatankuasa Kecil Kebudayaan Upacara Pembukaan dan Penutup KL '98 dibentuk sejak dua tahun lalu. Ia dipengerusikan oleh Mej Jen (B) Datuk Paduka Ghazali Ibrahim manakala Pengarah Panggung Negara, Supiat Mukri, dilantik sebagai Pengarah Kreatif.

Jawatankuasa itu turut dianggotai Johari Salleh selaku Pengarah Muzik, dibantu komposer Suhaimi Mohd Zain (Pak Ngah).

Dr Ghouse Nasaruddin pula bertindak sebagai Pengarah Kareografi dan dibantu Sharifah Mahani Syed Kassim bersama Ahmad Omar, selain beberapa kareografer profesional seperti Maziah Omar, Shuhaimi Maji, Mahmud Ibrahim, Joseph Gonzales serta Michelle Wong.

Ketua Penolong Pengarah Panggung Negara, Mohamed Juhari Shaarani, berkata secara keseluruhan, persembahan dua malam itu membabitkan lebih 2,000 peserta.

"Kebanyakannya pelajar sekolah dan guru pelatih beberapa maktab perguruan sekitar Lembah Klang.

"Turut menjayakan persembahan, penari, artis dan pemuzik residen Panggung Negara serta Kompleks Budaya Negara (KBN). Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK) dan Koir Kebangsaan turut terbabit.

"Beberapa artis turut membuat persembahan. Antaranya Siti Nurhaliza, Noraniza Idris, Anuar Zain dan Roy untuk malam pembukaan, manakala Jamal Abdillah serta Jay Jay pula untuk malam penutup," katanya kepada Pusparia, semalam.

Menurutnya, format persembahan untuk kedua-dua majlis itu lebih berkonsepkan kebudayaan dan tradisional, selain gabungan tarian dan nyanyian.

Katanya lagi, persembahan dijangka berlangsung selama 60 minit saja, selebihnya untuk acara perbarisan atlit, Larian Baton KL '98, ucapan perasmian dan ucapan penutup.

Persembahan pada malam pembukaan bermula jam 8.30 malam dengan persembahan kesenian berjudul Welcoming To One And All.

"Bagaimanapun, tarikan utama malam itu adalah pentomen Aur Di Tebing. Segmen ini berkisar kehadiran kuasa besar di Tanah Melayu, selain kemerdekaan dan semangat juang tempatan," kata Juhari.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka menyaksikan previu persembahan itu di Bukit Jalil, pada 20 Ogos ini.

(END)